


# Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

## Yesus Sang Guru Besar



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Byron Unger, Lazarus  
Alastair Paterson

Disadur oleh: E. Frischbutter, Sarah S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children  
[www.M1914.org](http://www.M1914.org)

©2024 Bible for Children, Inc.  
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau  
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.



Yesus merupakan guru yang  
hebat, terbaik yang pernah ada.  
Orang ramai mendengarkan Dia.




Yesus mengajarkan kasih untuk mengampuni, berbuat baik dan mengasihi. Orang lain mungkin membenci dan menyakiti mereka, tetapi Allah akan melindungi mereka.

3




Yesus mengajar banyak perkara. Dia berkata manusia merupakan pilihan Tuhan menerangi dunia seperti lilin menerangi rumah. Betapa besarnya perbezaan apabila lilin yang menyala menyinari bilik gelap.

4



Orang-orang yang diajak Yesus bicara percaya dalam pembalasan, "Mata diganti mata, gigi diganti gigi." Tetapi Yesus mengajar belas kasihan, pengampunan dan kasih, walaupun dengan musuh.


5



Pada zaman Yesus, banyak orang berpura-pura seperti orang kudus. Apabila mereka menderma wang kepada pengemis, mereka menyuruh orang meniup sangkakala untuk dilihat orang lain. "Berilah dengan sembunyi-sembunyi, dan Tuhan akan

memberkati kamu," kata Yesus.

6



Yesus mengajarkan perkara yang sama tentang doa. Seseorang berdoa di hujung jalan yang sibuk supaya dapat melihat dan didengar orang ramai.

Mereka tidak mempedulikan Tuhan. Mereka hanya mengambil berat tentang penilaian orang lain. Yesus memanggilnya orang munafik - seorang penipu.

7



Yesus sering mengambil perumpamaan dari alam untuk menjelaskan ajaran-Nya. Sebagai contoh, Dia menunjuk kepada burung yang terbang. "Allah Bapamu yang di sorga memberi mereka makanan," katanya. "Jangan risau. Allah juga akan memberi kamu makanan."


8

"Malah Raja Salomo tidak mempunyai jubah seindah bunga bakung" sambung Yesus. "Jika Tuhan mendandani rumput di padang, bukankah Dia juga akan mendandani kamu?" Yesus mengajar orang untuk percaya kepada Tuhan yang sentiasa memenuhi keperluan kita.



9

"Jika kamu menghakimi saudaramu, itu seperti cuba mengeluarkan selubar dari matamu tetapi kamu mempunyai kayu balak di mata-mu," kata Yesus. Walaupun orang tersenyum. Tetapi mereka terpaksa memikirkan apa maksud perumpamaan-Nya.



10

Yesus berkata bahawa setiap orang yang senantiasa meminta pertolongan Tuhan. Adakah Allah Bapa akan memberikan batu jika anaknya yang lapar meminta roti? Tidak! Mereka akan memberikan yang terbaik. Allah juga memberikan yang terbaik kepada orang yang meminta kepada-Nya.




11

Yesus, guru besar, memberi amaran terhadap guru palsu. "Mereka mengatakan guru palsu boleh dikenali melalui cara hidup mereka."



12


Dalam satu cerita Dia berkata, Yesus menunjukkan bahawa orang yang mematuhi perintah Tuhan adalah seperti orang yang membina rumah di atas batu. Walaupun datangnya ribut, apabila ribut



berakhir rumah masih berdiri teguh.

13

Tetapi orang bodoh membina rumah di atas pasir. Jika ribut melandanya, rumahnya akan runtuh berkecai kerana dasarnya tidak kukuh. Yesus berkata bahawa orang yang tidak mematuhi perintah Tuhan adalah seperti orang bodoh.



14

Orang ramai sangat hairan dengan kata-kata Yesus. Mereka tidak pernah mendengarnya sebelum ini. Sekarang mereka faham bahawa tidak cukup dengan hanya mendengarkan firman Allah. Mereka harus juga mematuhi setiap hari.



15

## Yesus Sang Guru Besar

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Matius 5 - 7, Lukas 6

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

16

TAMAT

42



60

17

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

18